

Bil. S 12

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 27.
 3. Pemasukan bab 6B baru.
 4. Pindaan bab 21.
 5. Pindaan bab 33.
 6. Pemasukan bab 33B baru.
 7. Penggantian Jadual Pertama.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 2012.

Pindaan bab 2 dari Penggal 27.

2. Bab 2 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan “kanabis” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “kanabis” bermakna mana-mana bahagian *genus* kanabis, atau mana-mana bahagian pokok tersebut, dengan nama apa pun ia dipanggil;”;

(b) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan baru “kanabis” —

“ “campuran kanabis” bermakna apa-apa campuran bahan nabati yang mengandungi tetrahidrokanabinol dan kanabinol dalam mana-mana kuantiti;”;

(c) dengan memotong takrifan “damar kanabis” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “resin kanabis” bermakna apa-apa bahan yang mengandungi bahan resin dan didapati di dalamnya tetrahidrokanabinol dan kanabinol dalam mana-mana kuantiti;”.

Pemasukan bab 6B baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 6A —

“Tempat penggunaan tidak perlu dinyatakan atau dibuktikan.

6B. (1) Jika seseorang itu dituduh melakukan suatu kesalahan terhadap bab 6(b), adalah mencukupi bagi pertuduhan itu untuk hanya menyatakan bahawa orang yang dituduh itu telah menghisap, memberi untuk dirinya atau pun selainnya memakan suatu dadah terkawal, tanpa perlu menyatakan tempat di mana kesalahan itu telah dilakukan.

(2) Jika seseorang itu dibicarakan kerana suatu kesalahan di bawah bab 6(b), tidaklah perlu bagi pihak pendakwa untuk membuktikan tempat di mana kesalahan dilakukan.”.

Pindaan bab 21.

4. Bab 21 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “Ketua Pegawai Narkotik” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Pegawai Narkotik Kanan”.

Pindaan bab 33.

5. Bab 33 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan cerai (4) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(4) Pengarah boleh menerima masuk mana-mana penagih dadah bagi rawatan sukarela dan pemulihan di suatu institusi yang diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.”;

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

“(5) Tiap-tiap orang yang telah diterima masuk ke suatu institusi yang diluluskan di bawah cerai (4) hendaklah ditahan di institusi yang diluluskan itu bagi suatu tempoh tidak kurang dari 6 bulan, melainkan jika dia dilepaskan lebih awal oleh Pengarah, jika tempoh tersebut tidak melebihi 3 tahun.”.

Pemasukan bab 33B baru.

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 33A —

“Jagaan yang sah.

33B. Tiap-tiap orang yang telah diterima masuk ke suatu institusi yang diluluskan hendaklah dianggap sebagai dalam jagaan yang sah Pengarah.”.

Penggantian Jadual Pertama.

7. Jadual Pertama kepada Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Jadual baru yang berikut —

“ JADUAL PERTAMA

DADAH TERKAWAL

BAHAGIAN I

DADAH KELAS A

1. Bahan-bahan dan produk-produk yang berikut —

Acetorphine.

Acetylmethadol.

Allylprodine.

Alphacetylmethadol.

Alphameprodine.

Alphamethadol.

Alphaprodine.

2-amino-1-(2, 5-dimethoxy-4-methyl) phenylpropane.

Amphetamine.

Anileridine.

Benzethidine.

Benzylmorphine (3-benzyl-morphine).

Betacetylmethadol.

Betameprodine.

Betamethadol.

Betaprodine.

Bezitramide.

4-Bromo-2,5-Dimethoxy- α -methylphenethylamine (also known as Brolamfetamine, 2C-B).

4-Bromo-2,5-dimethoxyphenethylamine.

Bufotenine.

Cannabinol.

Cannabinol derivatives.

Cannabis and cannabis resin.

Cathinone.

Clonitazene.

Coca leaf.

Cocaine.
 Codoxime.
 Desomorphine.
 Dextromoramide.
 Diamorphine.
 Diampromide.
 Diethylthiambutene.
 Difenoxin.
 Dihydroetorphine.
 Dihydromorphine.
 Dimenoxadole.
 Dimepheptanol.
 2,5-Dimethoxy- α -methylphenethylamine (also known as DOM, STP).
 N, α -dimethyl-3,4-(methylenedioxy) phenethylamine (also known as MDMA).
 3-[1, 2-dimethylheptyl]-1-hydroxy-7, 8, 9, 10 tetrahydro-6, 6, 9-trimethyl-6H-dibenzo [b, d] pyran.
 Dimethylthiambutene.
 Dioxaphetyl butyrate.
 Diphenoxylate.
 Dipipanone.
 Drotebanol.
 Ecgonine, and any derivative of ecgonine which is convertible to ecgonine or to cocaine.
 4-Ethyl-2,5-dimethoxy- α -methyphenethylamine (also known as DOET).
 N-ethyl- α -methyl-3,4-(methylenedioxy) phenethylamine (also known as MDEA, N-ethyl MDA, MDE).
 Ethylmethylthiambutene.
 Eticyclidine.
 Etonitazene.
 Etorphine.
 Etoxidine.
 Etryptamine.
 Furethidine.
 Hydrocodone.
 Hydromorphenol.
 Hydromorphone.
 N-[α -methyl-3,4-(methylenedioxy) phenethyl] hydroxylamine (also known as N-hydroxy MDA, MDOH).
 Hydroxypethidine.
 Isomethadone.
 Ketobemidone.
 Levomethorphan.
 Levomoramide.
 Levophenacymorphan.
 Levorphanol.
 Lysergamide.
 Lysergide and other N-alkyl derivatives of lysergamide.

Mescaline.
Metazocine.
Methadone.
Methadyl acetate.
Methcathinone.
3-methoxy- α -methyl-4, 5-(methylenedioxy) phenethylamine (also known as MDMA).
5-Methoxy-N, N-diisopropyltryptamine.
p-methoxy- α -methylphenethylamine (also known as PMA).
4-methylaminorex.
Methylamphetamine (also known as Methamphetamine).
Methyldesorphine.
N-Methyl- α -ethyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (also known as MBDB).
Methyldihydromorphine (also known as 6-methyldihydromorphine).
4-methylthioamphetamine.
Metopon.
Monoacetylmorphine.
Morpheridine.
Morphine.
Morphine methobromide, morphine N-oxide and other pentavalent nitrogen morphine derivatives.
Myrophine.
Nicomorphine (also known as 3, 6-dinicotinoyl-morphine).
Noracymethadol.
Norlevorphanol.
Normethadone.
Normorphine.
Norpipanone.
Opium.
Oxycodone.
Oxymorphone.
Parahexyl (also known as 3-hexyl-1-hydroxy-7, 8, 9, 10-tetrahydro-6, 6, 9-trimethyl 6H-dibenzo [b, d] pyran).
Pethidine.
Phenadoxone.
Phenampromide.
Phenazocine.
Phenomorphane.
Phenoperidine.
Piminodine.
Piritramide.
Poppy-straw and concentrate of poppy-straw.
Proheptazine.
Properidine (also known as 1-methyl-4-phenyl-piperidine-4-carboxylic acid isopropyl ester).
Psilocin.
Psilocybine.

Racemethorphan.
 Racemoramide.
 Racemorphan.
 Remifentanil.
 Rolicyclidine.
 α -Methyl-3,4-(methylenedioxy) phenethylamine (also known as Tenamfetamine).
 Tenocyclidine.
 Thebacon.
 Thebaine.
 Tilidine.
 Trimeperidine.
 3,4,5-Trimethoxy- α -methylphenethylamine (also known as TMA).
 4-Cyano-2-dimethylamino-4, 4-diphenylbutane.
 4-Cyano-1-methyl-4-phenyl-piperidine.
 N, N-Diethyltryptamine.
 2,5-Dimethoxy-4, α -dimethylphenethylamine.
 N, N-Dimethyltryptamine.
 1-Hydroxy-3-pentyl-6a, 7, 10, 10a-tetra hydro-6, 6, 9-trimethyl-6-H-dibenzo [b, d] pyran.
 1-Methyl-4-phenylpiperidine-4-carboxylic acid.
 2-Methyl-3-morpholino-1, 1-diphenylpropanecarboxylic acid.
 3-methylthiofentanyl.
 4-Phenylpiperidine-4-carboxylic acid ethyl ester.

2. Apa-apa bentuk stereoisomerik sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1 yang bukan dextromethorphan atau dextrorphan.

3. Apa-apa ester atau ether sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1 atau 2 yang bukan suatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam Bahagian II.

4. Apa-apa garam sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam mana-mana perenggan 1 hingga 3.

5. Apa-apa persediaan atau produk lain yang mengandungi sesuatu bahan atau produk yang pada masa itu dinyatakan dalam mana-mana perenggan 1 hingga 4.

6. Apa-apa persediaan yang dimaksudkan untuk diberikan dengan suntikan yang termasuk sesuatu bahan atau produk yang pada masa itu dinyatakan dalam mana-mana perenggan 1 hingga 3 Bahagian II.

7. Fentanyl dan apa-apa sebatian yang terbit secara struktur dari N-(1-Methyl-4-piperidyl)-N-phenylformamide dengan menukar ganti mana-mana atom hidrogen, termasuk yang berikut; dan apa-apa garam mana-mana bahan yang termasuk di bawah butiran ini —

Alfentanil.
Alpha-Methyl fentanyl.
Alpha-Methyl fentanyl Acetanilide.
Alpha-Methylthiofentanyl.
Benzyl fentanyl.
Beta-hydroxy fentanyl.
Carfentanil.
Lofentanil.
3-Methyl fentanyl.
para-fluorofentanyl.
Sufentanil.
Thiofentanyl.

BAHAGIAN II

DADAH KELAS B

1. Bahan-bahan dan produk-produk yang berikut —

Acetyldihydrocodeine.
Codeine.
Dextropropoxyphene.
Dihydrocodeine.
Ethylmorphine (3-ethylmorphine).
Fenetylline.
Ketamine.
Methylphenidate.
Nicocodeine.
Nicodicodine.
Nimetazepam.
Nitrazepam.
Norcodeine.
Norketamine and its dehydro derivatives.
Phencyclidine.
Phenmetrazine.
Pholcodine.
Propiram.
Zipeprol.

2. Apa-apa bentuk stereoisomerik sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1.

3. Apa-apa garam sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1 atau 2.

4. Apa-apa persediaan atau produk lain yang mengandungi sesuatu bahan atau produk yang pada masa itu dinyatakan dalam mana-mana perenggan 1 hingga 3, yang bukan sesuatu persediaan yang termasuk di bawah perenggan 6 Bahagian I.

BAHAGIAN III

DADAH KELAS C

1. Bahan-bahan yang berikut —

Benzphetamine.
Chlorphentermine.
Mephentermine.
Methaqualone.
Phendimetrazine.
Pipradrol.

2. Apa-apa bentuk stereoisomerik sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1.

3. Apa-apa garam sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1 atau 2.

4. Apa-apa persediaan atau produk lain yang mengandungi sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam mana-mana perenggan 1 hingga 3.

BAHAGIAN IIIA

DADAH KELAS D

1. Bahan-bahan yang berikut, iaitu —

Bromazepam.
Buprenorphine
Diazepam.
Dimethylamphetamine.
Flunitrazepam.
Flurazepam.
Gamma hydroxybutyric acid (GHB).
Mecloqualone.
Mitragnine.
Norbuprenorphine.
Perphenazine.
Secobarbital.
Triazolam.

2. Apa-apa bentuk stereoisomerik sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan 1 Bahagian ini.
3. Apa-apa garam sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam perenggan-perenggan 1 dan 2 Bahagian ini.
4. Apa-apa persediaan atau produk lain yang mengandungi sesuatu bahan yang pada masa itu dinyatakan dalam mana-mana perenggan 1 hingga 3 kepada Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

MAKNA UNGKAPAN TERTENTU YANG DIGUNAKAN DALAM JADUAL INI

Bagi maksud-maksud Jadual ini —

“terbitan kanabinol” bermakna bahan-bahan yang berikut, kecuali jika terkandung dalam kanabis atau resin kanabis, iaitu terbitan tetrahidrokanabinol dan 3-akyl homologues kanabinol atau terbitan tetrahidronya;

“daun koka” bermakna daun mana-mana pokok genus *Erythroxylon* yang dari daun-daunnya kokain boleh diekstrak sama ada secara langsung atau dengan transformasi kimia;

“pati jerami popi” bermakna bahan yang dihasilkan apabila jerami popi telah memasuki proses bagi kepekatan alkaloidnya;

“popi opium” bermakna mana-mana pokok yang darinya morfin boleh dihasilkan;

“persediaan” bermakna sesuatu campuran, pepejal atau cecair, yang mengandungi suatu dadah terkawal;

“jerami popi” bermakna semua bahagian, kecuali biji-bijinya, popi opium, selepas dipotong.”.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 15 haribulan Februari, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM